

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
[GOMBAK]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk membolehkan pentadbiran-pentadbiran negeri diberikan hak memulakan laluan bas sendiri seperti Bas Rapid Transit (BRT) bagi membantu mengurangkan kebergantungan rakyat kepada kereta persendirian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan menyokong penuh inisiatif pentadbiran-pentadbiran negeri bagi pelaksanaan BRT. Konsep BRT merupakan perkhidmatan bas yang mempunyai lorong khas dan melalui sebahagian jalan sedia ada. Sebarang inisiatif yang dapat memantapkan sistem pengangkutan awam dan mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian adalah amat digalakkan.

Sekian, terima kasih.